

MEMPERKASAKAN PENYERTAAN WANITA

Menambah jumlah wanita yang terlibat dalam proses membuat keputusan nasional

35.6%

13.2%

20.3%

Wanita di dalam proses membuat keputusan tertinggi Kerajaan (Jusa C dan ke atas)

Wanita dilantik sebagai anggota pentadbiran Menteri Kanan (Menteri Kanan dan Menteri Kanan Muda)

Wanita dilantik menjadi ahli Jawaja Nasional



MEMPERKASAKAN PENYERTAAN WANITA

Taska di tempat kerja

Demi membahayakan negara mencapai 30 peratus tenaga wanita dalam pasaran pekerjaan, kerajaan menggalakkan penguatkuasaan Tindakan Amalan Kanak-kanak (Taska) di tempat kerja sebagai sistem sokongan kepada ibu-bapa terutamanya kaum ibu yang bekerja

226

6,061

1,051



Status pelaksanaan sehingga 28 Februari 2017

Kerajaan dukung kepentingan wanita

→ Isi 30 peratus dalam proses buat keputusan bukan lagi cakap kosong

Oleh Asmah Rusman
asmah_rusman@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Dasar kerajaan mengisi 30 peratus wanita dalam proses membuat keputusan, sama ada pada peringkat nasional, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan mahu pun badan berkanun, bukan lagi cakap kosong.

Dalam tempoh lima tahun, menerusi inisiatif memperkasakan penyertaan wanita, peratusan golongan berkenaan mengisi penguasaan tertinggi kerajaan di peringkat Jusa C dan ke atas, berjaya mencatat 35.6 peratus.

Sebanyak 13.2 peratus pula dilantik sebagai anggota pentadbiran membabitkan jawatan menteri dan timbalan menteri, manakala 20.3 peratus lagi sebagai ahli Dewan Negara.

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datin Dr Norizan Abdul Razak, berkata pencapaian itu membuktikan kepemimpinan kerajaan masa ini bukan saja prihatin, malah sangat mendukung kepentingan wanita sebagai pemimpin tertinggi.

"Wanita juga sudah terbukti berjaya menjadi pemimpin berkaliber dan berintegriti, sekali gus membawa impak positif kepada masyarakat dan negara.

"Bagaimanapun, kerajaan tidak boleh berpeluk tubuh kerana dalam tempoh lima tahun akan datang, kepemimpinan wanita dalam sektor awam mungkin berkurangan jika tiada pemimpin pelapis daripada golongan muda," katanya ketika dihubungi NSTP.

Dr Norizan berkata, peratusan kepemimpinan wanita dalam politik adalah isu serius dan membingungkan, malah perkara itu turut dibawa hingga ke peringkat antarabangsa.

"Untuk itu, penting bagi Malaysia mempunyai misi dan visi mencapai kesamaan gender dalam Kabinet, dengan menetapkan sekurang-kurangnya 30 peratus atau lebih pencalonan wanita untuk pilihan raya setiap parti yang bertanding," katanya.

Katanya, saranan itu seiring dengan cadangan supaya menambah sokongan kepada pemimpin wanita muda dengan mewujudkan fasiliti seperti Taska dan tempat menyusu di kawasan pentadbiran.

Pada masa ini, kerajaan membina 226 Taska, yang menempatkan 6,061 kanak-kanak di Taska sektor awam dan 1,051 kanak-kanak di Taska sektor swasta.

Kata Dr Norizan, peratusan pengarah wanita juga menunjukkan peningkatan sebanyak 19.2 peratus.

Peningkatan itu sejajar dengan pelaksanaan Program Pengarah Wanita, yang berjaya melatih seramai 831 peserta dan 60 orang daripadanya mendapat tempat serta dilantik di syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Katanya, kadar literasi wanita Malaysia yang berjaya sehingga di peringkat pendidikan tinggi juga mencapai 96.3 peratus.

"Kini, 62 peratus wanita atau 707,888 orang sedang menyambung pengajian di universiti," katanya.

Kerajaan juga tidak melupakan warga emas, ibu tunggal, wanita

MEMPERKASAKAN PENYERTAAN WANITA

Program IAZAM diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar meningkatkan pendapatan melalui perniagaan secara kecil-kecikan.

Tujuh bidang fokus IAZAM iaitu:

- AZAM Tani
- AZAM Niaga
- AZAM Kerja
- AZAM Khidmat
- AZAM Bandar
- IAZAM Sabah
- IAZAM Sarawak

(Kos: RM926.85 juta)



berpendapatan rendah dan miskin dengan mewujudkan Program Inkubator Kemahiran (i-KIT) dan Program Keusahawanan Wanita (I-Keunita).

Program berkenaan disertai 9,979 wanita dan 1,582 orang daripada jumlah itu berjaya meningkatkan pendapatan sehingga 50 peratus.

Inisiatif program IAZAM

Sementara itu, melalui inisiatif Program IAZAM, seramai 53,567 wanita berjaya meningkatkan pendapatan tambahan bulanan mereka melebihi RM300.

Program MamaCare, yang melatih wanita warga emas dan ibu tunggal bagi menjana pendapatan keluarga melalui perkhidmatan penjagaan holistik ibu selepas bersalin secara tradisional dan moden pula berjaya menjana pendapatan keseluruhan sebanyak RM13.9 juta dengan 591 pengamal terlatih.



Kerajaan tidak boleh berpeluk

tubuh kerana dalam tempoh lima tahun akan datang, kepemimpinan wanita dalam sektor awam mungkin kurang jika tiada pemimpin pelapis daripada golongan muda"

Dr Norizan Abdul Razak, Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim Universiti Kebangsaan Malaysia



Geran RM30,000 melalui Majlis

Amanah Rakyat (MARA), membantu saya memajukan aspek pembungkusan produk pekasam yang saya hasilkan. Saya terutang budi dengan MARA yang membantu peniaga tanpa prejudis terhadap wanita"

Syuraini Abd Sukur, Pengusaha pekasam